

**PROGRAM BELAJAR KE LUAR NEGARA: MENGAPA JEPUN DAN  
PENYESUAIAN SOSIOBUDAYA  
(STUDY ABROAD PROGRAM: WHY JAPAN AND SOCIOCULTURAL  
ADAPTATION)**

Rahimah Muhammad Nor, Asmadi Hassan, Rohayati Paidi  
(Jabatan Pengajian Asia Timur, Fakulti Sastera dan Sains Sosial)

**Abstrak**

*Artikel ini membincangkan program belajar ke luar negara dengan menumpukan kepada Jepun. Dua persoalan yang ditumpukan ialah mengapa pelajar memilih Jepun dan penyesuaian sosiobudaya pelajar-pelajar tersebut selama berada di sana. Seramai 245 pelajar Malaysia telah mengambil bahagian dalam soal selidik yang dijalankan. Soal selidik terbuka telah dikemukakan bagi membolehkan pengkaji mengetahui pengalaman yang diperolehi oleh responden. Melalui analisis kandungan mendapati bahawa tiga faktor utama mempengaruhi keputusan responden untuk belajar di Jepun iaitu tertarik dengan keunikan budaya Jepun, mengagumi teknologi dan Bahasa Jepun. Hasil kajian juga mendapati enam elemen penyesuaian sosiobudaya seperti persekitaran sosial, pengurusan masa, perubahan peribadi, hubungan sosial, perbezaan budaya dan komunikasi. Kajian ini memberikan gambaran bahawa perjalanan tanpa sempadan memberi peluang kepada generasi muda meningkatkan penyesuaian antara budaya terhadap persekitaran baru, mempengaruhi usaha peribadi dan berfikiran global. Sementara itu, tahun penuh akademik di luar negara mempengaruhi penguasaan bahasa asing mereka dan menjadi lebih kompetitif bagi kerjaya di peringkat global. Program belajar di luar negara sebagai salah satu strategi untuk membantu pelajar membangunkan pengetahuan, sikap dan kemahiran bagi berhadapan dengan cabaran globalisasi.*

Kata kunci dan frasa

Sosiobudaya, Program Belajar ke Luar Negara, Jepun, global, Dasar Pandang ke Timur.

**Abstract**

*This research examines study abroad program with focusing on Japan. Two questions have been outlined, first is why the student choose Japan and the second is sociocultural adaptation. A total of 245 Malaysian students participated in the research. An open questionnaire was sent to the respondents so that we were able to analyze their experiences gained. Through content analysis, three main factors influence the respondents to study in Japan. They were attracted to the uniqueness of Japanese culture, admiring technology and Japanese language. We were also found that six elements of sociocultural adaptation such as social environment, time management, personal change, social relations, cultural differences and communication. Furthermore this research indicated that study abroad program provides opportunities for young student to improve cultural adaptability to new environments, influencing personality as well as global thinking. Meanwhile, full academic years abroad increased language efficiency and became more competitive for his future career. In sums, study abroad program was one of*

*the strategies to help students to develop their knowledge, attitudes and skills in order to face the global challenging.*

Keywords and phrases

Sociocultural, Study Abroad Program, globalization, Look East Policy.

### **Pengenalan**

Era globalisasi yang semakin pesat pada abad ke-21 menyaksikan berlakunya peningkatan kesalingbergantungan antara satu sama lain dari pelbagai aspek. Secara umum, sarjana seperti Anthony Giddens, Robertson, Ritzer, Inkson, Lechner dan Thomas mengemukakan definisi globalisasi daripada pelbagai dimensi dan pengkaji mendapati bahawa globalisasi merupakan proses yang saling mempengaruhi antara satu sama lain, meliputi jarak yang luas merentasi ruang dan masa, peningkatan hubungan ekonomi, kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi, migrasi antarabangsa, pertukaran budaya dan sebagainya. Seiring dengan perubahan globalisasi, generasi muda memerlukan kecekapan diri bagi bersaing di peringkat antarabangsa. Suárez-Orozco dan Qin-Hilliard (2004) menegaskan bahawa pendidikan pada era globalisasi memainkan peranan penting bagi melahirkan generasi muda yang mampu bertindakbalas menghadapi proses transformasi dalam konteks global. Beliau turut menyatakan cabaran pendidikan adalah untuk membangunkan kemahiran-kemahiran baru bagi generasi muda seperti kemahiran kognitif, kepekaan terhadap hubungan antara individu dan budaya. Paige dan Goode (2009) turut menekankan mengenai kepentingan generasi muda menjadi bangsa global, berpemikiran dunia dan berkecekapan antara budaya. Peningkatan program yang melibatkan pembelajaran antara budaya memberi peluang kepada mereka untuk mengenali kepelbagaian budaya. Beliau turut berhujah bahawa melalui pengalaman menerokai perbezaan budaya, seseorang individu memerlukan kemahiran, pengetahuan, sikap dan mempunyai pandangan dunia yang lebih terbuka mengenai perbezaan budaya yang membolehkan mereka untuk berinteraksi secara efektif dan saling memahami antara individu yang berlainan budaya.

Program penghantaran pelajar Malaysia ke Jepun merupakan salah satu inisiatif kerajaan Malaysia bagi merealisasikan matlamat Dasar Pandang ke Timur (DPT) yang diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia Keempat, Mahathir Mohamad pada 8 Februari 1982. DPT telah diperkenalkan dengan menetapkan matlamat seperti mencontohi dan menerapkan nilai etika kerja yang baik dan positif, mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran teknologi serta mempelajari sistem pengurusan dan organisasi negara-negara maju seperti Jepun, China dan Korea Selatan. Matlamat dasar tersebut adalah untuk meningkatkan produktiviti serta menyumbang kepada kemajuan Malaysia.

Sehubungan itu kajian ini dijalankan bagi mengkaji program belajar ke luar negara dengan menumpukan kepada Jepun. Dua persoalan ditumpukan dalam kajian ini ialah mengapa Jepun dipilih dan penyesuaian sosiobudaya pelajar-pelajar tersebut selama berada di sana. Hasil kajian ini secara tidak langsung memberi sumber maklumat sebagai persediaan awal kepada individu-individu yang mempunyai keinginan untuk melanjutkan pengajian di Jepun. Selain itu, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada organisasi-organisasi yang terlibat sama ada di Malaysia mahupun di Jepun untuk menyelesaikan permasalahan atau halangan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar yang belajar di Jepun.

### **Ulasan Karya**

Terdapat beberapa kajian berkaitan program belajar ke luar negara, yang meliputi pelbagai bidang dan persoalan. Walau bagaimanapun bagi tujuan ulasan karya, pengkaji memilih faktor tarikan dan tolakan yang mendorong pelajar ke negara luar untuk melanjutkan pengajian dan penyesuaian sosiabudaya di negara penerima pelajar tersebut. Li dan Bray

(2007) menjalankan kajian mengenai faktor tolakan dan tarikan serta motivasi ke atas 323 orang pelajar dari China yang mendaftar di institusi pengajian tinggi di Hong Kong dan Macau. Responden memberikan tiga faktor tolakan yang mendorong mereka memilih untuk melanjutkan pengajian di Hong Kong. Antaranya adalah kualiti pendidikan yang rendah di negara asal, kurang pengantarabangsaan dan tidak mendapat biasiswa di negara asal. Manakala bagi responden yang berada di Macau mengemukakan tiga faktor tolakan iaitu kurang pengantarabangsaan, sukar meningkatkan penguasaan bahasa asing dan kurang bidang yang sesuai.

Kajian Mazzarol dan Soutar menemui empat faktor mengapa pelajar memilih untuk melanjutkan pengajian di luar negara. Pertama, kursus atau program yang ditawarkan oleh institusi luar negara adalah lebih baik berbanding institusi tempatan; kedua, untuk memperolehi kefahaman yang lebih baik mengenai budaya luar; ketiga, mempunyai kesulitan untuk proses kemasukan di negara asal dan keempat, mempunyai tujuan untuk melakukan migrasi. Kajian ini telah dijalankan ke atas pelajar-pelajar dari Taiwan, India, China dan Indonesia.

Sirat pula mengkaji implikasi peristiwa 11 September 2001 dan krisis kewangan Asia tahun 1998 terhadap aliran mobiliti pelajar Malaysia ke luar negara dan kemasukan pelajar-pelajar antarabangsa ke Malaysia. Menurut beliau terdapat empat faktor penurunan bilangan pelajar Malaysia ke luar negara, pertama, bilangan yang melanjutkan pengajian di Amerika Syarikat menurun disebabkan peristiwa 11 September dan krisis kewangan Asia pada tahun 1998. Selain itu, faktor kemudahan kampus cawangan institusi pengajian tinggi asing yang bertapak di Malaysia dan kelonggaran peraturan-peraturan berkaitan dengan pendidikan tinggi di Malaysia telah menarik lebih ramai pelajar tempatan memilih untuk melanjutkan pengajian di dalam negara. Kajian tersebut turut mengenalpasti perubahan aliran kemasukan pelajar antarabangsa ke Malaysia khususnya dari negara-negara Asia seperti Singapura dan China. Antara faktor tarikan pelajar antarabangsa dari negara tersebut ke Malaysia adalah kerana persamaan sosiobudaya dan bahasa khususnya kaum Cina di Malaysia.

Dari segi penyesuaian sosiobudaya, Yen dan Stevens menjalankan kajian mengenai perspektif lima orang pelajar Taiwan yang melanjutkan pengajian di Amerika Syarikat. Hasil kajian mendapati responden berhadapan dengan perubahan emosi berikutan perubahan persekitaran seperti kekecewaan, perasaan rindu kepada tempat asal dan keluarga. Perasaan kecewa berlaku apabila responden berasa jangkaan tidak selari dengan pengalaman awal yang dilalui. Selain itu, faktor jarak dari keluarga, perbezaan dari segi bahasa, makanan dan sebagainya telah menyebabkan responden berasa rindu terhadap tempat asal. Responden turut merasa tertekan apabila membebaskan keluarga dengan menanggung pengajian mereka.

Mehdizadeh dan Scott menjalankan kajian terhadap masalah penyesuaian dari segi psiko-sosial dan budaya oleh pelajar-pelajar pascasiswazah dari Iran di Scotland. Kajian tersebut membahagikan tiga proses penyesuaian terhadap sosiobudaya iaitu budaya, isu dan akademik. Dari segi budaya, responden sering menghadapi kesukaran dari segi mendidik anak dalam budaya yang berbeza dan juga penyertaan aktiviti sosial atau masa lapang. Manakala dari segi isu, responden menyatakan kesukaran mereka dari segi mendapatkan peluang pekerjaan ketika belajar, ketidakpuashatian mengenai maklumat yang diterima sebelum melanjutkan pengajian di Scotland seperti perumahan, rawatan perubatan dan lain-lain pembiayaan, masalah kewangan, masalah tempat tinggal dan ketidakpuasan hati terhadap rawatan kesihatan yang diterima. Dari segi akademik, majoriti responden tidak berpuas hati terhadap tempoh masa biasiswa yang diterima, kesukaran dalam sistem pembelajaran dan kesukaran untuk menguasai Bahasa Inggeris.

Selain itu, dengan menggunakan kaedah soal selidik dan temubual, Spencer-Oatey dan Xiong menjalankan kajian mengenai penyesuaian sosiobudaya dan psikologi ke atas pelajar-pelajar dari China yang mengikuti kursus dalam Bahasa Inggeris di sebuah universiti

di Britain. Hasil kajian menunjukkan penyesuaian interaksi sosial dengan individu yang berlainan budaya menjadi penyesuaian yang paling sukar oleh responden. Manakala penyesuaian dari segi akademik mencatatkan penyesuaian yang paling penting. Bagi penyesuaian kehidupan seharian seperti cuaca, makanan dan aktiviti-aktiviti seharian yang lain, majoriti responden menyatakan bahawa ia menjadi perkara yang kurang penting dan kurang kesukaran. Hasil temubual pula melaporkan pertembungan nilai dan kekurangan perkara dalam kebiasaan menjadi sebab utama tahap interaksi sosial yang rendah oleh responden bersama-sama dengan individu dari negara tersebut.

Berdasarkan ulasan karya di atas, pengkaji mendapati bahawa faktor utama yang mendorong responden memilih destinasi negara luar adalah disebabkan oleh kualiti pendidikan yang lebih baik berbanding negara asal, kos pengajian yang berpatutan, peluang kerjaya di samping perancangan selepas belajar seperti untuk bermigrasi. Walau bagaimanapun, hasil kajian di atas menjelaskan bahawa keputusan responden bagi melanjutkan pengajian di luar negara didorong oleh faktor institusi, kos dan persekitaran berbanding dengan faktor ingin mendalami dan mempelajari sesuatu budaya yang masih berada pada tahap yang rendah. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden tidak menjadikan faktor perbezaan budaya sebagai suatu halangan bagi mereka melanjutkan pengajian di destinasi yang dipilih. Berbanding kajian-kajian lepas, pengkaji menjangkakan akan mendapat dapatan kajian yang baru dari segi faktor pelajar-pelajar Malaysia memilih Jepun sebagai destinasi bagi melanjutkan pengajian di luar negara.

Manakala dari segi penyesuaian responden dari negara-negara Asia di negara luar mendapati kebanyakan responden melakukan penyesuaian dari segi corak pembelajaran memandangkan status mereka sebagai pelajar dan matlamat melanjutkan pengajian di luar negara. Kaedah pembelajaran yang berbeza di samping masalah penguasaan Bahasa Inggeris telah menyebabkan mereka menghadapi tekanan dalam pencapaian akademik. Selain itu, berdasarkan hasil kajian tersebut juga, pengkaji mendapati bahawa responden menghadapi tekanan bagi menyesuaikan diri dengan corak kehidupan dan budaya masyarakat.

### **Teori Pengurusan Kebimbangan dan Ketidakpastian**

Kajian ini menggunakan Teori Pengurusan Kebimbangan dan Ketidakpastian oleh Gudykunst sebagai panduan. Gudykunst membangunkan teori ini dalam beberapa peringkat (Gudykunst, 2003). Pada peringkat permulaan, beliau membangunkan Model Komunikasi Antara Perorangan dan Antara Kumpulan pada tahun 1985 dengan mengintegrasikan Teori Pengurangan Ketidakpastian oleh Berger dan Calabrese (1975) dan Teori Identiti Sosial oleh Tajfel (1981). Pada tahun 1988, beliau bersama dengan Mitch Hammer membangunkan versi teori yang menggunakan pengurangan ketidakpastian dan pengurangan kebimbangan untuk menjelaskan penyesuaian antara budaya yang mana versi ini mengandungi 24 aksiom (Gudykunst, 2003). Pada tahun 1993, Gudykunst memfokuskan kepada kecekapan komunikasi antara perorangan dan antara kumpulan. Ia adalah versi teori pertama yang dilabelkan sebagai pengurusan kebimbangan dan ketidakpastian. Menurut Gudykunst, teori versi 1993 direka untuk menjadi teori praktikal bagi menjelaskan bahawa individu boleh meningkatkan kualiti komunikasi mereka. Perubahan tertumpu daripada pengurangan kebimbangan dan ketidakpastian kepada pengurusan kebimbangan dan ketidakpastian dan memberi tumpuan kepada aplikasi praktikal.

Pada tahun 1995, beliau telah memperluaskan perbincangan kepelbagaian budaya dalam proses pengurusan kebimbangan dan ketidakpastian. Versi teori ini digabungkan dengan aspek etika berkomunikasi dengan orang asing. Pada tahun 1998, beliau telah menyemak semula teori versi penyesuaian antara budaya oleh Gudykunst dan Hammer dan menggariskan bagaimana ia boleh diaplikasikan oleh responden bagi program latihan penyesuaian antara budaya. Versi teori tersebut telah direka untuk menjadi praktikal supaya

pendatang asing dapat mengaplikasikan teori tersebut bagi membantu mereka menyesuaikan diri hidup dalam suasana budaya yang lain (Gudykunst, 2003).

Gudykunst (1995) menyatakan bahawa kebimbangan adalah afektif (emosi) yang berpunca daripada perasaan tidak selesa, ketegangan dan kebimbangan mengenai sesuatu yang mungkin berlaku. Gudykunst menyatakan bahawa kebimbangan yang dihadapi oleh individu berpunca daripada jangkaan negatif terhadap orang yang tidak dikenali. Apabila kebimbangan atau ketidakpastian terlalu tinggi atau terlalu rendah, seseorang individu tidak dapat berkomunikasi dengan berkesan. Menurut Gudykunst lagi, ketidakpastian adalah merupakan fenomena kognitif yang mempengaruhi cara seseorang individu berfikir mengenai orang yang tidak dikenali.

Beliau turut menjelaskan bahawa sekiranya seseorang individu tidak mempunyai keyakinan terhadap keupayaan mereka untuk meramalkan tingkah laku orang yang tidak dikenali, kemungkinan seseorang individu mengakhiri interaksi mereka dengan segera. Beliau menyatakan bahawa "*communication is effective to the extent that the person interpreting the message attaches a meaning to the message that is relatively similar to what was intended by the person transmitting it*" (hlm. 15). Beliau turut menambah bahawa "*misunderstanding often happen when we communicate with strangers because we tend to interpret strangers' messages using our own frame of reference and they interpret our message from the frame of reference*" (hlm. 15).

Gudykunst (1995) membahagikan aksiom kepada sembilan kategori yang terdiri daripada, pertama, diri dan konsep diri, kedua, motivasi, ketiga, reaksi terhadap orang yang tidak dikenali, keempat, kategori sosial, kelima, proses keadaan, keenam, hubungan dengan orang yang tidak dikenali, ketujuh, etika interaksi, kelapan, kebimbangan, ketidakpastian, kesedaran dan komunikasi yang berkesan dan kesembilan adalah proses silang budaya. Kesemua mengandungi 47 aksiom. Walau bagaimanapun bagi tujuan penulisan artikel ini, hanya beberapa aksiom akan digunakan. Antaranya adalah:

Aksiom 2: Peningkatan identiti peribadi dalam interaksi bersama orang asing akan menghasilkan penurunan kebimbangan dan peningkatan dalam keupayaan untuk meramalkan tingkah laku mereka dengan tepat.

Aksiom 9: Peningkatan keyakinan terhadap kebolehan untuk meramalkan tingkah laku orang asing akan menghasilkan penurunan dalam kebimbangan. Penurunan dalam kebimbangan akan meningkatkan keyakinan diri untuk meramalkan tingkah laku orang asing.

Aksiom 10: Peningkatan keupayaan individu untuk memproses maklumat secara kompleks mengenai orang asing akan menghasilkan penurunan dalam kebimbangan dan peningkatan dalam keupayaan diri untuk meramalkan tingkah laku mereka dengan tepat.

Aksiom 21: Peningkatan dalam jangkaan positif bagi tingkah laku orang asing akan menghasilkan penurunan dalam kebimbangan dan peningkatan dalam keyakinan dalam meramalkan tingkah laku mereka.

Aksiom 27: Peningkatan tarikan terhadap orang asing akan menghasilkan penurunan dalam kebimbangan dan peningkatan dalam keyakinan bagi meramalkan tingkah laku mereka.

Aksiom 30: Peningkatan kemesraan dalam perhubungan akan menghasilkan penurunan dalam kebimbangan dan peningkatan dalam keupayaan diri untuk meramalkan tingkah laku mereka dengan tepat.

Aksiom 47: Peningkatan dalam budaya individualisme akan menghasilkan peningkatan tumpuan pada pemahaman kognitif untuk berkomunikasi secara berkesan dengan orang asing. Manakala, peningkatan dalam budaya kolektivisme akan menghasilkan peningkatan tumpuan kepada mengekalkan hubungan baik dengan penutur untuk berkomunikasi dengan berkesan.

### **Metodologi**

Kajian ini menggunakan kaedah soalan terbuka di mana beberapa soalan berkaitan mengapa memilih Jepun sebagai destinasi untuk melanjutkan pengajian dan bagaimana responden menyesuaikan perbezaan sosiobudaya. Beberapa bahagian dibahagikan bagi memudahkan analisis kajian. Di antaranya adalah mengapa responden memilih Jepun sebagai negara pilihan untuk melanjutkan pelajaran. Soalan yang ditanya adalah “Terangkan sebab-sebab anda memilih untuk melanjutkan pengajian di Jepun?” Responden memberi beberapa jawapan dari soalan yang dikemukakan dan jawapan daripada soalan tersebut akan dianalisis kandungannya. Pengkaji membahagikan jawapan dalam skop yang lebih kecil. Contohnya, bagi responden yang menjawab faktor budaya mendorong mereka memilih Jepun, maka pengkaji mengecilkan lagi budaya dari segi apa? Adakah budaya kerja? atau budaya tradisional? budaya pemikiran? dan sebagainya. Hasil dari analisis ini membantu pengkaji mengetahui faktor-faktor penolak dan penarik yang mempengaruhi sebab pemilihan responden untuk belajar di Jepun.

Manakala Soalan 2 menfokuskan kepada aspek-aspek penyesuaian sosiobudaya yang dilakukan oleh responden sejak berada di Jepun. Jawapan daripada soalan tersebut akan menghuraikan mengenai penyesuaian responden dalam menghadapi situasi yang berbeza dari segi cara hidup, komunikasi, tingkah laku, pemikiran, nilai dan tradisi, peraturan dan lokasi (perubahan cuaca). Walaupun soalan ini berbentuk retrospektif dan setiap responden mempunyai tempoh masa menetap di Jepun yang berbeza antara satu sama lain, tetapi pengkaji beranggapan bahawa responden akan memberi tumpuan kepada aspek penyesuaian yang memberi kesan mendalam dan sesuatu yang sukar dihadapi. Hasil kajian ini secara tidak langsung memberi sumber maklumat sebagai persediaan awal kepada individu-individu yang mempunyai keinginan untuk melanjutkan pengajian mereka di Jepun kelak. Selain itu, pengkaji mengharapkan bahawa hasil analisis daripada jawapan responden dapat menyumbang kepada organisasi-organisasi yang terlibat sama ada di Malaysia mahupun di Jepun untuk membantu menyelesaikan permasalahan atau halangan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar yang belajar di Jepun. Seterusnya, pengkaji turut mengemukakan persoalan mengenai pengalaman kejutan budaya yang dialami oleh responden semasa berada di Jepun. Soalan tersebut diungkapkan seperti berikut “adakah anda mengalami pengalaman kejutan budaya semasa berada di Jepun? Sekiranya ada, sila terangkan pengalaman tersebut dan bagaimana anda menyesuaikan situasi tersebut?” Setiap individu mempunyai pelbagai bentuk kejutan budaya dan respons yang diperolehi menjelaskan mengenai pengalaman kejutan budaya yang dialami.

### **Demografi Responden**

Seramai 245 orang responden telah mengambil bahagian dalam kajian ini yang mencakupi pelajar yang menuntut di pelbagai universiti di seluruh Jepun. Dari segi taburan responden kajian ini dibahagikan mengikut lokasi wilayah universiti iaitu Kinki 33 orang (14 peratus), Chubu 46 orang (19 peratus), Kanto 87 orang (35 peratus), Tohoku 32 orang (13 peratus), Kyushu 10 orang (4 peratus), Chugoku 25 orang (10 peratus), Hokkaido 8 orang (3 peratus) dan Shikoku 4 orang (2 peratus). Dari segi kumpulan responden pula, pelajar lelaki adalah lebih tinggi berbanding kumpulan responden pelajar perempuan. Seramai 149 (60.8 peratus) orang responden adalah pelajar lelaki dan 96 (39.3 peratus) orang adalah pelajar perempuan. Manakala dari segi umur pula, seramai 43 (17.6 peratus) orang responden adalah berumur 18-

20 tahun, 169 (69.0 peratus) orang berumur 21-23 tahun, 24 (9.8 peratus) orang berumur 24-26 tahun, 5 (2.0 peratus) orang berumur antara 27-29 tahun, seorang yang berumur 30-33 tahun dan 3 (1.2 peratus) orang adalah dalam lingkungan umur 34 tahun ke atas.

Walau bagaimanapun dalam menjawab soalan yang dikemukakan, terdapat responden yang menjawab hanya pada bahagian mengapa memilih melanjutkan pengajian di Jepun, tetapi tidak menjawab pada bahagian penyesuaian sosiobudaya dan begitu juga sebaliknya. Oleh sebab itu jumlah responden yang menjawab bahagian mengapa memilih Jepun dan penyesuaian sosiobudaya adalah tidak seimbang. Namun majoriti responden menjawab kedua-dua bahagian. Selain itu, oleh kerana soalan yang dikemukakan adalah berbentuk terbuka, maka terdapat responden yang menjawab lebih dari satu jawapan. Contohnya bagi soalan sebab memilih melanjutkan pengajian di Jepun, terdapat responden menjawab kerana tertarik dengan budaya Jepun dan bahasa Jepun sendiri. Oleh sebab itu jumlah jawapan yang diberikan tidak selari dengan jumlah responden.

### **Sebab-sebab Memilih Melanjutkan Pengajian di Jepun**

Seramai N= 225 responden telah memberi respons terhadap soalan mengapa mereka memilih melanjutkan pengajian di Jepun.

#### ***Tertarik dengan Budaya dan Negara Jepun***

Daripada 225 orang yang menjawab soalan berkaitan mengapa memilih Jepun sebagai destinasi untuk melanjutkan pengajian, seramai N=143 responden menyatakan sebab utama mereka memilih melanjutkan pengajian di Jepun adalah kerana dipengaruhi oleh faktor budaya. Dari 143 responden, seramai N=77 responden menyatakan bahawa salah satu sebab utama mereka memilih untuk melanjutkan pengajian di Jepun adalah berminat untuk mempelajari, menyelami dan mengetahui mengenai budaya Jepun. Responden menyatakan bahawa nilai-nilai positif masyarakat Jepun seperti beradab, berdisiplin, sangat menghargai masa, kesedaran sivik, sikap menghormati orang lain dan sikap saling bekerjasama telah menarik perhatian mereka untuk mempelajari lebih mendalam mengenai budaya dan masyarakat Jepun. Masyarakat Jepun dilihat mempunyai nilai-nilai positif yang kurang didapati dan dirasai di negara asal menyebabkan responden menjawab bahawa keputusannya untuk melanjutkan pelajaran di Jepun adalah bertujuan untuk melatih diri untuk menjadi lebih berdisiplin. Juga, terdapat responden lain menjawab bahawa Jepun lebih menunjukkan ciri-ciri negara Islam dari aspek kebersihan dan bersikap jujur. Beberapa responden turut berharap supaya mereka dapat membawa nilai-nilai positif tersebut apabila kembali ke Malaysia dan diterapkan ke dalam masyarakat untuk kemajuan pada masa hadapan.

Selain itu, responden yang lain menyatakan bahawa sebab utama melanjutkan pengajian di Jepun adalah untuk mengetahui lebih mendalam sikap dan pemikiran masyarakat Jepun. Pandangan ini turut disokong oleh responden lain bahawa ingin mencontohi sikap orang Jepun yang sentiasa berusaha dan tidak bergantung pada dunia luar untuk mencapai kejayaan. Terdapat juga responden menyatakan keinginannya untuk mendalami cara pemikiran orang Jepun bagi melahirkan pemikiran kreatif dan inovatif. Faktor minat dan mengagumi budaya Jepun sejak dari kecil menjadi sebab lain beberapa responden memilih untuk melanjutkan pengajian di negara tersebut. Di samping itu, sikap orang Jepun yang dikatakan 'tidak terbuka' terhadap masyarakat luar telah menyebabkan salah seorang responden ingin merasai pengalaman berada dalam kalangan masyarakat tersebut.

Seterusnya, analisis kandungan dari aspek budaya juga menunjukkan responden memilih melanjutkan pengajian ke Jepun disebabkan pandangan dan perasaan kagum responden terhadap negara dan budaya Jepun menjadi sebab mereka memilih melanjutkan pengajian di Jepun yang mencatatkan seramai N=45 responden. Kebanyakan responden

melahirkan perasaan kagum terhadap pembangunan Jepun yang dicapai dalam masa yang singkat selepas kekalahan dalam Perang Dunia Kedua. Kejayaan Jepun membangunkan negara mereka sering kali dikaitkan dengan budaya orang Jepun sendiri.

Salah seorang responden berpendapat bahawa Jepun umpama '*role model*' bagi negara-negara Asia dan kepesatan tersebut disebabkan sikap rakyat Jepun yang sentiasa bekerjasama dalam merealisasikan dasar-dasar kerajaan mereka. Selain itu, responden turut mengagumi kebolehan Jepun menjadi antara negara termaju di dunia dengan menggunakan bahasa kebangsaan mereka sendiri dan masih mengekalkan budaya tradisional sehingga kini. Responden turut kagum dengan masyarakat dan budaya Jepun seperti sikap menjaga perasaan orang lain, bersopan santun, kebersihan dan sikap menghormati orang lain, manakala dari segi pekerjaan seperti mereka mempunyai sikap bekerja bersungguh-sungguh, kesetiaan terhadap organisasi dan berdisiplin.

Pengkaji mengklasifikasikan faktor minat terhadap budaya kerja Jepun merupakan sebab ketiga yang penting responden kajian memilih melanjutkan pengajian di Jepun. Seramai N=21 responden memilih untuk belajar di Jepun kerana faktor minat untuk mengenali dan mengetahui lebih mendalam budaya kerja orang Jepun. Responden menyatakan pandangan mereka mengenai budaya/etika kerja orang Jepun antaranya adalah tersusun, sistematik, disiplin dan interaksi yang baik antara ahli organisasi.

### ***Tertarik dengan Kemajuan Teknologi Jepun***

Faktor kemajuan teknologi menjadi salah satu sebab penting yang mendorong responden melanjutkan pengajian di Jepun dengan mencatatkan seramai N=79 responden. Daripada jumlah tersebut seramai N=42 responden menyatakan minat mereka untuk mempelajari, mengetahui dan menyelami teknologi Jepun dengan lebih mendalam, seramai N= 22 menyatakan kelebihan Jepun yang mempunyai teknologi dalam bidang kejuruteraan dan seramai N=15 responden memberi pandangan positif mengenai teknologi Jepun.

Kebanyakan responden menyatakan bahawa kemajuan sains dan teknologi Jepun yang setanding dengan negara-negara maju yang lain telah menarik minat mereka untuk mempelajari bidang tersebut. Di samping itu, faktor tersebut turut didorong dengan kelengkapan dari segi kemudahan dan kepakaran. Responden berpendapat bahawa teknologi yang lengkap membantu proses pembelajaran mereka khususnya dalam bidang kejuruteraan.

Selain teknologi dalam bidang kejuruteraan, Jepun juga mempunyai sumber manusia yang mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut. Pandangan ini disokong oleh beberapa orang responden yang menyatakan bahawa Jepun merupakan pilihan terbaik bagi melanjutkan pengajian dalam bidang kejuruteraan.

### ***Tertarik dengan Bahasa Jepun***

Selain itu, hasil analisis mencatatkan seramai N= 26 responden menyatakan minat untuk menguasai Bahasa Jepun dan bahasa-bahasa lain telah mendorong mereka untuk melanjutkan pengajian di Jepun. Seramai N= 26 responden kajian tertarik untuk mempelajari Bahasa Jepun. Penguasaan Bahasa Jepun menampilkan sesuatu kelainan untuk mereka berbanding dengan individu yang hanya menguasai Bahasa Malaysia dan Inggeris.

Selain itu, salah seorang responden menyatakan belajar di Jepun memberi peluang kepadanya untuk mempraktikkan Bahasa Jepun. Terdapat juga beberapa responden tertarik dengan keunikan dan keindahan Bahasa Jepun yang mendorong mereka melanjutkan pengajian di Jepun. Responden turut menyatakan pengetahuan mengenai Bahasa Jepun yang diperolehi sejak zaman persekolahan telah menimbulkan minat kepada mereka untuk belajar di Jepun. Seterusnya ada juga responden menyatakan minatnya mempelajari bahasa dan responden lain menyatakan faktor kelemahan dalam Bahasa Inggeris telah menyebabkannya memilih untuk melanjutkan pengajian di negara yang menggunakan bahasa lain. =



### ***Lain-lain Faktor***

Seterusnya, faktor biasiswa turut mempengaruhi responden kajian melanjutkan pengajian di Jepun yang mencatatkan seramai N=22 responden. Di samping itu, responden kajian menyatakan faktor kerjaya turut mempengaruhi keputusan mereka untuk melanjutkan pengajian di Jepun. Seramai sembilan responden berpendapat bahawa melanjutkan pengajian di Jepun dapat meluaskan peluang kerjaya dengan kelebihan Bahasa Jepun memberi potensi yang besar untuk mereka menceburi pekerjaan khususnya di syarikat-syarikat Jepun.

Selain itu, seramai N=21 responden menyatakan sebab ingin menambahkan pengalaman. Responden kajian berpendapat bahawa pengalaman belajar di luar negara dapat menimba pengalaman suasana pembelajaran yang berbeza, hidup bersama dengan masyarakat yang berbeza budaya, berdikari dan sebagainya. Juga, faktor pengaruh individu yang terdiri daripada rakan-rakan, ibu bapa dan guru telah mempengaruhi keputusan mereka untuk belajar di Jepun. Seramai dua orang responden menyatakan bahawa pengaruh daripada rakan, manakala seramai tiga orang pengaruh ibu bapa dan 3 orang pengaruh guru. Seterusnya, seramai N=6 responden pengalaman empat musim, juga seramai N=6 responden sebab keazaman sejak dari kecil, N=7 responden faktor peluang dan tawaran, N=6 responden menyatakan keinginan untuk mendapat suasana belajar yang berbeza, N=5 responden adalah hanya tertarik untuk melanjutkan pengajian di negara Asia, N=4 tertarik dengan permainan video, manga, anime dan drama Jepun, N=3 responden kelayakan untuk belajar di negara lain terbatas, N=2 responden masing-masing tertarik dengan makanan Jepun dan menawarkan subjek yang diminati, seramai N=7 responden pula menyatakan tiada sebab-sebab yang khusus dalam melanjutkan pengajian di Jepun.

### ***Penyesuaian Sosiobudaya***

Jumlah keseluruhan N=244 responden telah menjawab soalan berkaitan penyesuaian sosiobudaya. Hasil analisis menunjukkan terdapat beberapa aspek penyesuaian sosiobudaya seperti aspek fizikal, pengurusan masa, aspek pergaulan sosial, menyesuaikan perbezaan budaya, perubahan peribadi dan sebagainya.

### ***Penyesuaian Aspek Fizikal***

Penyesuaian aspek fizikal mencatatkan jumlah responden yang tertinggi iaitu sebanyak N=79 orang. Penyesuaian aspek fizikal terdiri daripada aspek kebersihan, pemakanan, cuaca dan perubahan musim, perbezaan waktu solat dan peraturan/undang-undang, sistem pengangkutan, pembelajaran, pentadbiran, perbankan dan sistem pengurusan penyewaan rumah.

Pengetahuan mengenai aspek fizikal dititikberatkan oleh orang luar bagi membolehkan mereka melakukan sesuatu tindakan yang tidak menyalahi norma-norma dan undang-undang yang dipegang bagi sesuatu masyarakat dan tidak bertentangan dengan amalan dan kepercayaan responden. Dari aspek kebersihan, penyesuaian yang dilakukan adalah dalam sistem pembuangan sampah yang lebih teratur dengan mengasingkan jenis sampah dan mematuhi jadual pungutan sampah bagi sesuatu kawasan. Terdapat responden lain yang menyesuaikan diri dari segi praktis amalan kepercayaan seperti melaksanakan solat walaupun tiada tempat khas yang disediakan. Terdapat juga penyesuaian responden dari aspek makanan Jepun. Responden menjadi lebih peka mengenai maklumat bahan-bahan yang digunakan bagi sesuatu barangan makanan yang hendak dibeli. Seterusnya responden turut menyatakan penyesuaian dari segi perubahan cuaca khususnya apabila musim sejuk.

### ***Pengurusan Masa***

Seramai N=71 responden menyatakan aspek penyesuaian sejak mereka berada di Jepun adalah dari segi pengurusan masa. Beberapa responden menyatakan bahawa sejak berada di

Jepun, pengurusan masa lebih teratur berbanding di negara asal. Mereka juga mempunyai kesedaran mengenai kepentingan masa apabila berada dalam kalangan masyarakat Jepun yang sangat mementingkan masa yang meliputi sistem pengangkutan awam, sikap orang Jepun yang berjalan pantas hingga sesuatu temujanji yang ditetapkan. Beberapa responden mengakui sistem pengangkutan awam di Jepun menepati masa perjalanan.

Selain itu berdasarkan analisis, terdapat responden menyatakan bahawa mereka sentiasa memastikan menepati masa apabila melakukan temujanji dengan orang Jepun. Salah seorang daripada responden menyatakan bahawa responden perlu membuat peringatan di telefon bimbit supaya menepati janji dan masa yang telah dipersetujui. Responden lain pula menyatakan bahawa sekiranya melakukan temujanji, kadang-kala masa 5 minit awal daripada masa temujanji turut dianggap sebagai lewat. Kenyataan ini disokong oleh salah seorang responden yang menyatakan bahawa sejak berada di Jepun, responden mempelajari untuk melakukan sesuatu perkara dengan lebih sistematik dan memahami kepentingan sesuatu perancangan. Sebagai seorang pelajar, responden tersebut juga merancang jadual tersendiri untuk menyiapkan segala tugas pada masa yang ditetapkan.

Jelas menunjukkan bahawa penyesuaian dari segi masa telah memberi impak yang positif terhadap responden supaya menjadi lebih menghargai dan peka mengenai kepentingan masa, mahir dalam melakukan perancangan yang lebih teratur, berdisiplin, menepati janji dan sebagainya.

### ***Perubahan Peribadi***

Aspek ketiga penyesuaian di Jepun adalah perubahan peribadi yang mencatatkan jumlah responden seramai N=64 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai N=18 responden perubahan dari segi berfikiran terbuka, N=15 responden berdikari, N=5 responden keyakinan diri, N=3 responden masing-masing bagi sikap toleransi terhadap perbezaan budaya, menghormati privasi orang lain, menerangkan budaya sendiri kepada orang lain dan kematangan berfikir. Manakala seramai N=2 responden masing-masing bagi sikap berkongsi masalah dengan orang lain, rajin dan hubungan dengan rakan-rakan senegara, seramai seorang responden bagi aspek perubahan sikap berani melakukan kesilapan, bersikap terbuka, lebih peka terhadap perbezaan budaya, kesedaran terhadap kepelbagaian, perubahan cara berfikir, bersikap berhati-hati, kemahiran penyelesaian masalah dan bersikap bertanggungjawab.

### ***Penyesuaian Hubungan Sosial***

Di samping itu, seramai N=57 orang responden menyatakan bahawa aspek hubungan sosial adalah salah satu aspek penyesuaian yang perlu dihadapi. Pergaulan bersama-sama masyarakat Jepun membantu responden untuk mengenali dan memahami sikap masyarakat setempat termasuk rakan-rakan sekelas, meningkatkan keyakinan diri, membantu dalam penguasaan Bahasa Jepun dan sebagainya.

Selain itu, pengkaji berpendapat bahawa perbezaan dari segi hubungan sosial antara individu yang berlainan budaya seperti penerimaan masyarakat terhadap orang luar turut mempengaruhi cara penyesuaian seseorang terhadap budaya dan persekitaran yang baru. Beberapa responden menyatakan bahawa penglibatan dalam aktiviti-aktiviti universiti memberi peluang kepada mereka untuk membina perhubungan dengan orang Jepun. Walau bagaimanapun, salah seorang responden menyatakan bahawa orang Jepun sukar untuk bertegur sapa dengan orang luar sehingga memaksa orang luar memulakan perbualan terlebih dahulu. Juga, pergaulan bersama masyarakat Jepun turut menuntut responden mempelajari loghat Bahasa Jepun dan tidak bergantung kepada bahasa baku semata-mata. Perubahan sikap dan keyakinan diri untuk bergaul dan bertegur sapa dengan masyarakat Jepun adalah penting

bagi melahirkan sikap menerima supaya tidak kelihatan asing dalam kalangan masyarakat Jepun terhadap orang luar.

### ***Penyesuaian Perbezaan Budaya***

Seramai N= 53 responden menyatakan aspek penyesuaian dari segi perbezaan budaya. Program belajar di luar negara memberi peluang kepada responden untuk belajar menyesuaikan diri dengan kehidupan bersama-sama dengan masyarakat yang mempunyai budaya berbeza.

Kebanyakan responden menyatakan bahawa sejak berada di Jepun, mereka belajar untuk memahami, menyelami dan menerapkan nilai-nilai yang baik dan tidak bertentangan dengan agama misalnya berdisiplin, menepati masa dan sebagainya. Kebanyakan responden menyatakan bahawa melalui perhubungan sosial dan proses interaksi bersama-sama dengan masyarakat sekeliling atau rakan-rakan di universiti melahirkan kesedaran mengenai perbezaan budaya dan sikap saling menghormati antara satu sama lain.

Selain itu, salah seorang responden belajar memahami tataterbit terhadap orang yang lebih kanan (*sempai*) dan guru (*sensei*). Penyesuaian aspek perbezaan budaya juga memberi implikasi sikap mengekalkan budaya sendiri dan mempertahankan agama yang menjadi pegangan.

### ***Penyesuaian Komunikasi***

Aspek penyesuaian seterusnya adalah komunikasi menggunakan Bahasa Jepun yang mencatatkan seramai N=50 responden. Responden menyatakan bahawa penyesuaian bahasa adalah penting memandangkan penggunaan Bahasa Jepun adalah meliputi keseluruhan aspek kehidupan seharian termasuk bahasa pengantar di universiti. Salah seorang responden menyatakan bahawa memperbanyakkan bahan bacaan Bahasa Jepun dan menonton pelbagai rancangan drama atau filem Jepun membantu mengukuhkan penguasaan Bahasa Jepun serta pengetahuan amnya. Selain itu, penyesuaian dari segi bahasa turut berlaku yang mana responden cuba memahami setiap yang diajar oleh guru semasa proses pembelajaran dalam kuliah.

Di samping itu, seorang responden sedar mengenai kepentingan menguasai cara perbualan rakan-rakan sebaya Jepun bagi memulakan perhubungan dengan mereka. Aspek lain turut menekankan keperluan penguasaan loghat pertuturan penduduk tempatan bagi menyesuaikan diri dengan masyarakat. Juga, terdapat responden lain berpendapat perubahan dari segi cara berkomunikasi dengan orang lain adalah penting khususnya apabila menerangkan mengenai budaya asal supaya difahami dengan jelas oleh masyarakat berbeza budaya. Keadaan ini juga disokong oleh kenyataan responden lain bahawa penggunaan bahasa yang baik adalah perlu bagi menerangkan setiap amalan yang berkaitan dengan kepercayaan seperti solat dan pemakanan.

### ***Perbincangan Hasil Analisis Kandungan***

#### ***Motivasi Melanjutkan Pengajian di Jepun***

Berdasarkan jumlah keseluruhan jawapan yang diterima dari soalan pertama (N=225), seramai N=143 orang responden menyatakan bahawa mereka tertarik untuk mengenali dan mempelajari budaya Jepun. Kekaguman dengan keunikan budaya Jepun telah menarik minat mereka untuk mendalami, memahami dan merasai sendiri pengalaman hidup dalam budaya masyarakat Jepun. Seterusnya, seramai 79 orang responden menyatakan bahawa mereka memilih Jepun sebagai destinasi pilihan melanjutkan pengajian di luar negara adalah faktor kemajuan teknologi Jepun. Kebanyakan responden yang terlibat menyatakan bahawa negara Jepun mempunyai kemudahan yang terbaik dari segi ilmu pengetahuan dan kepakaran, infrastruktur, dan sebagai khususnya dalam bidang teknikal dan kejuruteraan. Manakala

faktor ketiga adalah seramai 26 orang responden tertarik untuk menguasai Bahasa Jepun. Responden menyatakan bahawa keputusan melanjutkan pengajian di Jepun telah memberi sesuatu kelainan kepada mereka untuk mempelajari bahasa asing yang lain di samping penguasaan bahasa Inggeris.

Berdasarkan ketiga-tiga faktor utama yang mendorong keputusan responden untuk melanjutkan pengajian di Jepun mendapati bahawa kebanyakan responden telah mempunyai maklumat-maklumat asas mengenai Jepun. Melalui aksiom 21 dan 27 yang terdapat pada teori pengurusan kebimbangan dan ketidakpastian menunjukkan bahawa kebanyakan responden mempunyai tahap kebimbangan yang boleh dikawal atau rendah semasa proses mengambil keputusan yang ingin melanjutkan pengajian di Jepun. Pengkaji mendapati bahawa pengaruh media massa melalui televisyen, buku/majalah dan sebagainya telah memberi gambaran yang positif mengenai budaya dan negara Jepun. Selain itu, responden juga cenderung berasa teruja untuk mengetahui dan menerokai lebih mendalam mengenai budaya Jepun. Jangkaan-jangkaan positif mengenai budaya dan negara Jepun ini telah menimbulkan tarikan kepada responden untuk melanjutkan pengajian di Jepun.

Antara pandangan yang diberikan:

*“Saya memilih Jepun, saya sangat tertarik dengan budaya masyarakat Jepun yang beradab dan sangat menghargai masa, berbeza dengan budaya di negara kita yang sangat bertoleransi dengan perkara berkaitan masa. Dengan kehadiran saya di negara ini, saya boleh membiasakan diri dengan budaya menjaga tatasusila dan menghargai masa supaya apabila pulang ke Malaysia, InsyaAllah, saya boleh mengaplikasikan budaya mereka dalam kehidupan seharian.”*

#### ***Penyesuaian Sosiobudaya Sejak Berada di Jepun***

Hasil analisis kandungan menunjukkan bahawa penyesuaian aspek persekitaran mencatatkan jumlah responden yang paling ramai iaitu seramai 79 orang. Kebanyakan responden terlibat menyatakan bahawa penyesuaian aspek persekitaran dari segi kebersihan, pemakanan, perubahan musim, peraturan, perbezaan waktu, sistem pengangkutan, pembelajaran dan perbankan. Responden bersikap akur terhadap sistem yang ditetapkan dan tempoh penyesuaian yang lama di Jepun membolehkan responden mengadaptasi sehingga menjadi sesuatu kebiasaan bagi mereka. Selain itu, penyesuaian aspek persekitaran di Jepun memberi peluang kepada responden untuk membina sikap fleksibel dan terbuka terhadap persekitaran yang baru.

Pengkaji meletakkan penyesuaian persekitaran yang dialami oleh responden sebagai proses penyesuaian budaya di peringkat permulaan. Di peringkat ini, responden akan mula menerima tekanan bagi menyesuaikan diri dengan sistem yang baru. Walau bagaimanapun, responden akan cuba mencari penyelesaian untuk mengatasi tekanan yang dihadapi sehingga mereka mengatur aktiviti harian dengan lebih berkesan.

Antara pandangan yang diberikan:

*“Setiap tindakan atau amalan kebiasaan di Malaysia namun dianggap kurang sopan di Jepun saya awasi dan berhati-hati agar tidak melakukannya dengan sengaja atau tidak seperti mencampurkan semua jenis sampah tanpa kitar semula, menggunakan telefon bimbit dalam kenderaan awam dan memastikan semua bahagian tandas kering selepas digunakan, jika terdapat percikan air, mestilah di lap sebelum keluar.”*

Selain itu, seramai 71 orang responden menyatakan bahawa aspek pengurusan masa merupakan penyesuaian yang dilakukan oleh mereka sejak berada di Jepun. Masyarakat dan persekitaran di Jepun dikenali sebagai sangat menghargai dan mementingkan masa dalam

kehidupan seharian. Pengurusan masa bukan sahaja terletak kepada sikap orang Jepun sahaja malahan keseluruhan sistem di Jepun adalah seiring dan ditentukan dengan masa yang tepat, misalnya masa bagi sistem pengangkutan. Masyarakat Jepun percaya bahawa kelewatan akan mempengaruhi kesemua tugas yang berikutnya. Oleh itu responden menyesuaikan diri dengan mewujudkan sistem pengurusan masa selari dengan persekitaran. Ia juga memberi implikasi positif kepada responden seperti berdisiplin dan menepati masa.

Antara pandangan yang diberikan:

*“The one adjustment is my habits of being late when attending a meeting or class. Generally, Japanese do not tolerate tardiness or not being punctual. So I have to wake up early so that I don't be late to class or a meeting with someone. So I think that is the biggest changes I do to myself since I come here.”*

Seterusnya, penyesuaian terhadap budaya dan persekitaran yang berbeza telah mempengaruhi perubahan peribadi terhadap 64 orang responden. Perubahan peribadi melibatkan motivasi dalaman yang membawa perubahan tindakan melalui tekanan penyesuaian yang dialami. Antara perubahan peribadi yang dinyatakan oleh responden adalah berfikiran terbuka, berdikari, keyakinan diri dan bersikap toleransi terhadap perbezaan budaya.

Antara pandangan yang diberikan:

*“Saya lebih berfikiran terbuka dan menerima pendapat sesiapa sahaja tanpa mengira perbezaan agama dan budaya. Selain itu, saya banyak membandingkan diri saya dengan orang lain di mana di Jepun saya banyak melihat sikap, budaya, tingkah laku mereka yang boleh dijadikan contoh untuk diikuti.”*

Di samping itu, seramai 57 orang responden menyesuaikan diri dari aspek pergaulan dan hubungan sosial. Responden kajian berusaha membina hubungan dengan individu di persekitaran mereka bagi memudahkan mereka menyesuaikan diri dengan suasana yang baru. Berdasarkan teori pengurusan dan kebimbangan, responden yang mewujudkan hubungan yang mesra bersama dengan individu asing dan mengamalkan budaya kolektif akan menurunkan kebimbangan dan komunikasi yang berkesan. Penekanan terhadap aspek hubungan sosial oleh responden sejak berada di Jepun bukan sahaja memberi impak dari segi kefahaman budaya tuan rumah tetapi meningkatkan peluang responden untuk berkomunikasi dengan mereka seperti ditunjukkan dalam Aksiom 30 dan 47.

Selain itu, keupayaan responden menjalinkan perhubungan dengan individu berbeza budaya membuktikan bahawa responden mencabar diri untuk mengenali individu lain walaupun ia mungkin bertentangan dengan sikap peribadi responden sebelum menghadapi situasi tersebut di negara asal.

Antara pandangan yang diberikan:

*“Saya mencari ramai kawan Jepun untuk mengelakkan rasa kekok berhadapan dengan orang Jepun.”*

*“Seboleh-bolehnya, saya membuat ramai kawan dengan orang Jepun supaya saya membiasakan diri dengan keadaan di sekeliling.”*

Aspek penyesuaian seterusnya adalah penyesuaian perbezaan budaya iaitu seramai 53 orang responden. Kebanyakan responden menyesuaikan diri dari segi cara hidup masyarakat setempat dan cuba mencontohi nilai-nilai baik daripada budaya tuan rumah. Kefahaman

responden mengenai budaya tuan rumah akan meningkatkan keyakinan dan menurunkan tahap kebimbangan responden dalam proses penyesuaian silang budaya.

Penyesuaian budaya tuan rumah bertujuan mengelakkan diri melanggar tatasusila dan norma-norma masyarakat. Selain itu, responden turut berhadapan dengan cabaran menyesuaikan keadaan persekitaran dengan mempraktikkan amalan kepercayaan seperti menunaikan solat dan menitikberatkan makanan yang halal.

Antara pandangan yang diberikan:

*“Saya mengambil kelas yang berkisar tentang pemahaman budaya masyarakat Jepun supaya boleh memahami cara hidup mereka dan dapat menyesuaikan diri dengan kehidupan di sini yang sangat berbeza dengan kehidupan di Malaysia.”*

Penyesuaian aspek komunikasi menjadi salah satu penyesuaian responden sejak berada di Jepun seramai 50 orang responden. Kecekapan komunikasi tuan rumah saling berkait dengan penyertaan responden dalam komunikasi antara perorangan dan komunikasi massa. Komunikasi antara perorangan adalah melibatkan proses komunikasi responden bersama dengan individu tuan rumah. Penyertaan aktif dalam aktiviti komunikasi silang budaya ini turut meningkatkan kefahaman responden mengenai penggunaan bahasa formal dan bahasa tidak formal dalam kalangan masyarakat Jepun khususnya slang atau dialek.

Hasil analisis menunjukkan bahawa kebanyakan responden menyedari kepentingan penguasaan Bahasa Jepun bagi proses penyesuaian mereka untuk memahami budaya Jepun, membina perhubungan sosial dan memahami pembelajaran. Selain itu, responden turut menjadikan sumber media massa bagi meningkatkan kemahiran berkomunikasi menggunakan Bahasa Jepun.

Antara pandangan yang diberikan:

*“Banyak menggunakan perkataan atau slanga orang muda di sini untuk berkomunikasi dengan mereka. Sebelum ini saya lebih selesa menggunakan bahasa yang selau digunakan dalam situasi formal, tetapi untuk berkawan dengan orang Jepun yang sebaya dengan saya, saya sedar pentingnya untuk mengikut cara perbualan mereka.”*

## **Kesimpulan**

Hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat empat faktor pendorong responden memilih melanjutkan pengajian di Jepun yang terdiri dari tarikan terhadap budaya dan negara Jepun, kemajuan teknologi Jepun, Bahasa Jepun dan lain-lain. Responden kajian mempunyai pengetahuan awal mengenai budaya dan negara Jepun melalui pembacaan, media massa atau penceritaan daripada individu sama ada rakan-rakan, guru-guru dari Jepun dan sebagainya. Peningkatan tarikan dan pengetahuan terhadap budaya tuan rumah mengurangkan tahap kebimbangan dan ketidakpastian responden terhadap cabaran yang mungkin dihadapi.

Responden menghadapi pengalaman penyesuaian sosiobudaya sejak berada di Jepun. Hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat tujuh bentuk penyesuaian sosio-budaya oleh responden antaranya penyesuaian aspek persekitaran, pengurusan masa, perubahan peribadi, hubungan sosial, perbezaan budaya, aspek komunikasi, kejutan budaya dan lain-lain. Responden terdedah dengan perbezaan nilai dan norma masyarakat, bahasa, peraturan dan sebagainya.

Responden terlibat dalam pengurusan diri dari segi keperluan asas, masa, pembelajaran dan kewangan. Di peringkat awal penyesuaian, responden mula berasa tertekan dan ketidakstabilan emosi. Antara kesukaran yang dihadapi oleh responden adalah makanan halal, kesukaran melaksanakan solat, pergaulan dan komunikasi. Kesukaran yang dihadapi meningkatkan kebimbangan responden untuk berhadapan dengan situasi yang tidak disukai.

Seterusnya, proses penyesuaian perbezaan budaya dan persekitaran turut melibatkan pengalaman kejutan budaya yang dihadapi oleh responden sepanjang berada di Jepun. Di peringkat ini, responden membina kefahaman mereka mengenai masyarakat dan persekitaran berdasarkan pengalaman yang pernah dilalui oleh mereka. Secara perlahan-lahan responden mula mahir bertindak balas terhadap setiap situasi yang dihadapi. Responden cuba mengelakkan diri daripada melakukan sesuatu yang bertentangan dengan norma masyarakat dan tuntutan agama Islam.

Hasil analisis menunjukkan bahawa antara cabaran yang dihadapi adalah bahasa dan komunikasi, hubungan persahabatan masyarakat Jepun, persekitaran sosial, sistem pendidikan dan lain-lain aspek. Peralihan ini menunjukkan responden aktif dalam menyelesaikan segala cabaran yang dihadapi. Perubahan tingkah laku seperti berdikari, tidak berputus asa, bersikap peramah, keyakinan diri, berdisiplin dan sebagainya mula dibentuk berdasarkan pengalaman yang dilalui. Setelah melalui pelbagai cabaran dan halangan sepanjang proses penyesuaian sosiobudaya, responden menerima perbezaan budaya sebagai sesuatu keunikan yang tersendiri.

Responden mengakui bahawa belajar di Jepun memberi implikasi perubahan peribadi, kefahaman antara budaya, kesedaran mengenai budaya sendiri, pergaulan dan komunikasi antara budaya dan memperolehi ilmu pengetahuan. Berdasarkan hasil dapatan kajian, pengkaji membangunkan dimensi penyesuaian sosiobudaya. Pengkaji menitikberatkan lima faktor bagi menerangkan penyesuaian diri seseorang individu terhadap persekitaran dan budaya baru yang terdiri daripada individu, pengetahuan, tingkah laku, kemahiran dan sokongan luaran.

Pengkaji meletakkan individu sebagai teras menekankan aspek kekuatan dalaman iaitu pegangan nilai dan kepercayaan, kestabilan emosi, kesihatan fizikal dan psikologi, semangat dan motivasi diri, persepsi positif dan kepercayaan diri. Pengkaji mendapati bahawa kekuatan dalaman adalah penting dan mempengaruhi penyesuaian seseorang bagi menghadapi tekanan dan cabaran semasa berhadapan dengan persekitaran yang baru. Seseorang individu bukan sahaja akan berhadapan dengan perbezaan fizikal seperti cuaca, makanan, pakaian dan sebagainya tetapi turut berhadapan dengan nilai, norma, cara pemikiran, tingkah laku dan tradisi yang berbeza. Kekuatan dalaman yang dicadangkan oleh pengkaji menekankan aspek psikologi bagi menggerakkan tahap penyesuaian seseorang ke arah lebih positif.

Dari segi tingkah laku, terdapat beberapa aspek yang terdiri daripada sikap positif, toleransi, menghormati budaya orang lain, keterbukaan menerima sesuatu yang baru dan aktif interaksi. Kesemua aspek tersebut dilahirkan dalam bentuk tingkah laku. Individu yang mempunyai sikap positif akan mudah melibatkan diri dalam konteks budaya tersebut. Tetapi sebaliknya berlaku pada individu yang masih bersikap etnosentrik individu akan mengalami tekanan, bantahan dan kerisauan semasa penyesuaian terhadap persekitaran yang baru. Mereka mudah berputus asa dan cuba untuk mengelak daripada berinteraksi bersama-sama dengan individu yang lain (pemencilan diri). Manakala, sikap menghormati budaya lain boleh dizahirkan melalui tingkah laku seperti mengikuti peraturan yang telah ditetapkan dan tidak melakukan perbuatan yang melanggar nilai dan norma masyarakat tersebut. Sikap toleransi atau bertolak ansur terhadap sesuatu perbezaan yang dihadapi dapat mengurangkan konflik dan persengketaan bersama-sama dengan individu lain.

Sikap tersebut memberi kesan kepada individu bagi mengawal emosi dan bertindak secara bijak apabila berhadapan dengan pelbagai situasi yang mungkin tidak dipersetujui. Secara tidak langsung, hubungan yang baik antara individu yang berbeza budaya dapat dikekalkan sekiranya individu yang terlibat dapat menerima perbezaan tersebut sebagai sesuatu yang positif.

## Rujukan

- Behrnd, V., & Porzelt, S. (2012). Intercultural competence and training outcomes of students with experiences abroad. *International Journal of Intercultural Relations*, 36 (2), 213-223.
- Bennett, M. J. (1998). *Basic Concepts of Intercultural Communication: Selected Readings* (7ed.). London: Nicholas Brealey Publishing.
- Brislin, R. W. (2008). *Working with Cultural Differences: Dealing Effectively With Diversity in the Workplace*. London: Praeger.
- Giddens, A. (1990). *The Consequences of Modernity*. Stanford: Stanford University Press.
- Gudykunst, W. (1995). Anxiety/uncertainty management theory. *Intercultural communication theory*, 8-58.
- Gudykunst, W. B. (1998). Applying anxiety\ uncertainty management (AUM) Theory to intercultural adjustment training. *International Journal of Intercultural Relations*, 22 (2), 227-250.
- Gudykunst, W. B. (2003). Understanding Must Precede Criticism: A Response to Yoshitake's Critique of Anxiety/Uncertainty Management Theory. *Intercultural Communication Studies*, 12 (1), 25-40.
- Hamad, R., & Lee, C. M. (2013). An Assessment of How Length of Study-Abroad Programs Influences Cross-Cultural Adaptation. *Journal of Human Behavior in the Social Environment*, 23 (5), 661-674.
- Lechner, F. J. (2009). *Globalization: The Making of World Society*. United Kingdom: Wiley-Blackwell.
- Li, M., & Bray, M. (2007). Cross-border flows of students for higher education: Push-pull factors and motivations of mainland Chinese students in Hong Kong and Macau. *Higher Education*, 53 (6), 791-818.
- Mazzarol, T., & Soutar, G. N. (2002). "Push-pull" factors influencing international student destination choice. *International Journal of Educational Management*, 16 (2), 82-90.
- Mehdizadeh, N., & Scott, G. (2005). Adjustment problems of Iranian international students in Scotland. *International Education Journal*, 6 (4), 484-493.
- Ritzer, G. (2011). *Globalization: The Essentials*. Oxford: Wiley-Blackwell.
- Robertson, R. (1992). *Globalization: Social Theory and Global Culture*. London: Sage Publications.
- Schein, E. H. (2010). *Organizational Culture and Leadership*. San Francisco, CA: Wiley.
- Sirat, M. (2008). The impact of September 11 on international student flow into Malaysia: Lessons learned. *IJAPS*, 4 (1), 80-95.
- Spencer-Oatey, H., & Xiong, Z. (2006). Chinese students' psychological and sociocultural adjustments to Britain: An empirical study. *Language, culture and curriculum*, 19 (1), 37-53.
- Ting-Toomey, S. (2012). *Communicating across cultures*. London: Guilford Press.
- Thomas, D.C., & Inkson, K. (2004). *Cultural intelligence: Peoples skills for global business*. San Francisco, CA: Berrett- Koehler.
- Yen, W.-J., & Stevens, P. (2004). Taiwanese Students' Perspectives on Their Educational Experiences in the United States. *International Education Journal*, 5 (3), 294-307.

[mres2020@gmail.com](mailto:mres2020@gmail.com)

[Rohayatipaidi@um.edu.my](mailto:Rohayatipaidi@um.edu.my)

[madisan@um.edu.my](mailto:madisan@um.edu.my)